

PETRONAS Dagangan bekal minyak pelincir untuk PTP

PETRONAS Dagangan Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Lub Dagangan Sdn Bhd, memeterai kontrak tujuh tahun dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd (PTP) bagi pembekalan pelbagai jenis minyak pelincir industri dan marin, bernilai RM51 juta kepada PTP.

Ketua Pegawai Eksekutif Lub Dagangan, Zubair Abdul Razak, berkata usaha sama jangka panjang itu akan mengukuhkan segmen komersial perniagaan pelincir syarikat.

"Kami komited untuk meningkatkan perniagaan pelincir ini dan menjadi penggiat nombor satu dalam pasaran.

"Kami juga yakin produk penyelesaian bendalir sepenuhnya ini menjadi pilihan bagi segmen kalangan perniagaan serta antara perniagaan dengan pengguna," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, PETRONAS

Dagangan mampu menerajui aspek inovasi dalam teknologi bendalir hasil daripada memanfaatkan 11 kemudahan pengadunan terkini di serata dunia serta dua pusat penyelidikan dan pembangunan di Itali dan di Bangi, Selangor.

Bantu pertumbuhan operasi PTP

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Glen Hilton, berkata pemeteraian perjanjian itu akan membantu lagi pertumbuhan operasi PTP dan menyokong inisiatif penambahbaikan terutama dalam bidang kecekapan, kaedah selamat pelincir dan pengurusan stok lebih baik.

Beliau berkata, ia juga membolehkan PTP memahami ketahanan jangka hayat enjin berdasarkan analisis pelincir.

"Kami percaya kedua-dua PTP dan PETRONAS, sama-sama bergerak ke arah mem-

berikan hanya yang terbaik kepada pelanggan, dan saling memanfaatkan daripada kerjasama jangka panjang ini.

Kukuh kedudukan

"Kami mengalu-alukan peluang untuk bekerja dan tumbuh bersama dengan PETRONAS bagi mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam perniagaan masing-masing," katanya.

PTP adalah pengendali tunggal pelabuhan terbesar di Malaysia. Ia turut menjadi antara pelabuhan dan terminal kontena yang paling pesat di Asia Tenggara.

Lub Dagangan menjalankan aktiviti penjualan dan pemasaran minyak pelincir PETRONAS di Malaysia.

Perniagaan pelincir adalah satu daripada empat perniagaan teras Petronas Dagangan, yang mencatatkan perolehan lebih RM589 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.



"Kami mengalu-alukan peluang untuk bekerja dan tumbuh bersama dengan PETRONAS bagi mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam perniagaan masing-masing"

Glen Hilton,
Ketua Pegawai Eksekutif PTP